



## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

### SOALAN LAZIM (FAQ)

#### BANTUAN PAKEJ PELAN DATA DAN PERANTI KEPADA PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

1. **Apakah bantuan pakej pelan data dan peranti untuk pelajar IPT yang telah diumumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 30 Oktober 2020?**  
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah bekerjasama dengan pihak IPT dan menyelaraskan empat jenis bantuan pakej pelan data dan peranti kepada pelajar IPT yang mampu memberikan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian iaitu:
  - a. Bantuan Kewangan Prihatin *One-Off* RM50 kepada pelajar baharu Universiti Awam (UA) bagi sesi akademik 2020/2021 bagi tujuan langganan awal pelan data;
  - b. Bantuan pelan data berbentuk kad sim atau sumbangan tunai kepada pelajar UA dari golongan B40;
  - c. Bantuan memiliki peranti kepada pelajar UA dari golongan B40; dan
  - d. Bantuan pakej pelan data dan peranti istimewa kepada semua pelajar IPT.

#### **A. BANTUAN KEWANGAN *ONE-OFF* RM50 KEPADA PELAJAR BAHARU UA**

2. **Siapakah yang layak menerima Bantuan Kewangan Prihatin *One-Off* RM50?**

Pelajar-pelajar baharu UA yang menerima tawaran kemasukan bagi sesi September 2020/2021 Program Ijazah Sarjana Muda Lepas SPM/setaraf melalui UPU Online.

**3. Bagaimanakah pelajar boleh menyemak status kelayakan masing-masing?**

Pelajar boleh menyemak status kelayakan masing-masing melalui Bahagian Kemasukan/ Hal Ehwal Pelajar (HEP) di UA masing-masing.

**4. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar yang layak menerima Bantuan Kewangan Prihatin *One-Off* RM50?**

Pelajar diminta menghubungi Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Pelajar di UA masing-masing untuk mengemaskini dokumen/ maklumat-maklumat berikut :

- i. Salinan kad pengenalan;
- ii. Nombor Akaun Bank dan Nama Bank;
- iii. Salinan penyata/ buku bank (muka surat yang mempunyai nombor akaun bank); dan
- iv. Nombor telefon bimbit/ email.

**5. Bagaimanakah bantuan tersebut akan disalurkan kepada pelajar yang layak?**

Bantuan akan disalurkan ke akaun bank pelajar mulai pertengahan November 2020 hingga 31 Disember 2020 oleh pihak UA. Semakan boleh dibuat di Bahagian Kemasukan Hal Ehwal Akademik di UA masing-masing.

**6. Bagaimana sekiranya pelajar tidak mempunyai akaun bank?**

Bantuan akan disalurkan secara tunai oleh UA mengikut kaedah agihan yang mematuhi SOP Majlis Keselamatan Negara yang berkaitan.

**7. Bolehkah bantuan disalurkan melalui akaun ibu, ayah atau saudara mara?**

**TIDAK BOLEH.** Pelajar hendaklah mempunyai akaun bank sendiri.

**8. Bolehkah pelajar membuka akaun di mana-mana bank?**

**BOLEH.** Pelajar boleh membuka akaun bank sendiri di mana-mana bank **KECUALI** akaun Tabung Haji dan Amanah Saham.

**9. Sekiranya terdapat kemusykilan berhubung bantuan ini, siapakah pegawai yang boleh dirujuk?**

Pelajar boleh menghubungi Pegawai Penyelaras di Bahagian Kemasukan atau HEP di UA masing-masing.

**10. Mengapa pemberian bantuan yang disediakan hanya kepada pelajar baharu sahaja? Bagaimana dengan pelajar sedia ada kerana mereka juga mengalami komplikasi sepanjang PdP dalam talian?**

Seperti yang sedia maklum, pelajar baharu adalah yang paling terkesan selepas pengumuman penangguhan pendaftaran secara fizikal atau bersemuka di Universiti Awam (UA) pada 2 Oktober 2020 lalu memandangkan ini merupakan pengalaman kali pertama mereka untuk menyambung pengajian di UA. Bagi mengurangkan beban pelajar baharu tersebut, insentif RM50 diperuntukan bagi setiap pelajar UA bagi langganan awal pembelian plan data mengikut tawaran telekomunikasi pilihan masing-masing.

**B. BANTUAN PAKEJ PELAN DATA UNTUK PELAJAR B40 DI UA**

**11. Apakah jenis bentuk bantuan yang diberikan bagi pakej plan data ini?**

Jenis bantuan adalah dalam bentuk pemberian kad sim. Namun, terdapat juga beberapa UA yang memberikan bantuan dalam bentuk tunai (melalui akaun pelajar).

**12. Siapa yang layak menerima bantuan ini?**

Pelajar UA dari kategori B40. Klasifikasi golongan B40 adalah berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan UA masing-masing. Pihak HEP UA akan mengenalpasti dan akan menghubungi pelajar (atau membuat pemakluman) kepada yang layak bagi menerima bantuan.

**13. Kepada siapa pelajar perlu berhubung jika terdapat persoalan berkenaan perkara ini?**

Pihak pelajar boleh menghubungi terus pihak HEP UA untuk pertanyaan lanjut.

**C. BANTUAN PERANTI – KOMPUTER RIBA (PELAJAR UA - B40 BERSASAR)**

**14. Siapa yang layak memohon bantuan ini?**

Pemilihan pelajar UA B40 secara bersasar akan dibuat oleh pihak HEP UA. Pelajar yang terpilih akan dihubungi sendiri oleh pihak UA masing-masing.

**15. Apakah jenis atau bentuk bantuan yang diberikan?**

Jenis bantuan yang akan diberikan adalah dalam bentuk pemberian percuma komputer riba, pemberian wang tunai, pinjaman peranti sepanjang pengajian dan juga bantuan pinjaman kewangan istimewa bagi pelajar memperolehi komputer riba.

**16. Bilakah pelajar akan memperolehi bantuan peranti ini?**

Pelajar-pelajar yang terpilih akan menerima peranti secara berperingkat bermula November 2020 (pelajar akan dihubungi nanti oleh pihak UA).

**D. PAKEJ PELAN DATA DAN PERANTI ISTIMEWA**

**17. Siapa yang layak memohon pakej ini dan bagaimana urusan pemohonannya?**

Semua pelajar IPT layak memohon pakej istimewa ini. Urusan pembelian pakej istimewa pelan dan peranti boleh dibuat terus dengan pembekal perkhidmatan. Maklumat lanjut/ tambahan berkenaan perkara ini telah disebarkan pemaklumannya kepada semua IPT dan juga pelajar.

**18. Adakah pakej pelan data dan peranti untuk pelajar IPT termasuk pelajar IPTS dan Politeknik?**

**YA.** Semua pelajar IPT termasuk UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti berpeluang menikmati pakej pelan data dan peranti pada harga yang rendah seperti yang ditawarkan oleh rakan strategik iaitu Celcom, Digi, Telekom Malaysia (Unifi Mobile), Maxis, Acer, Samsung (dengan syarat) dan Apple Online Store.

**19. Adakah pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) akan menerima manfaat yang sama seperti mana pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)?**

Bergantung kepada ketersediaan penawaran oleh rakan strategik. Namun begitu, tawaran pakej pelan data dan peranti yang dianjurkan ini adalah dibuat khusus untuk pelajar IPT di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi.

**20. Bagaimana saya boleh mendaftar bagi mendapatkan tawaran pakej pelan data tersebut?**

Pelajar boleh mendapatkan pakej pelan data seperti berikut:

- a. **CELCOM** – Pendaftaran prepaid di Blue Cube CELCOM yang berdekatan. Pelajar perlu membawa bersama kad pengenalan dan kad pelajar atau surat tawaran kemasukan pelajar ke IPT sebagai dokumen pengesahan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi CELCOM Careline di 1111 atau 019-6011111.
- b. **Digi**
  - i. Pakej pelan data jalur lebar (postpaid) - Pendaftaran hanya secara dalam talian sahaja: <https://digibiz.lpages.co/mohebb-kb> atau <https://digibiz.lpages.co/mohebb-maficomm/>. Salinan dokumen sokongan kad pengenalan dan kad pelajar/ surat tawaran kemasukan IPT diperlukan ketika sesi pendaftaran dalam talian.
  - ii. Pakej pelan data (prepaid) - Pendaftaran di mana-mana cawangan Digi Store atau secara dalam talian iaitu <https://bit.ly/2Jki5Jn>. Perlu membawa bersama kad pengenalan dan kad pelajar atau surat tawaran kemasukan pelajar ke IPT sebagai dokumen pengesahan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi 016-2998888.
- c. **Maxis** – Tawaran (postpaid) hanya terbuka kepada pelajar berusia 18 hingga 25 tahun sahaja. Boleh mendaftar di Maxis *centre* yang berdekatan dengan membawa kad pengenalan dan kad pelajar atau surat tawaran kemasukan pelajar ke IPT. Sebarang pertanyaan boleh hubungi *customer care* Maxis 1800-82-1123.
- d. **TM (Unifi Mobile)**
  - i. Postpaid - Pendaftaran secara dalam talian <https://unifi.com.my/studentpack> (bermula 16 November 2020) atau pendaftaran di TM point yang berdekatan.

- ii. Prepaid - Pendaftaran di TM point yang berdekatan atau melalui aplikasi mobile@unifi. Sebarang pertanyaan boleh hubungi <https://unifi.com.my/support/contact-us>.

## **21. Bagaimana saya boleh mendaftar bagi mendapatkan tawaran istimewa pakej peranti tersebut?**

Pendaftaran bagi pakej peranti adalah berbeza mengikut tawaran rakan strategik seperti berikut :

- a. **Acer** – Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian <https://store.acer.com/en-my/promotion/students>. Pelajar diminta memasukkan kod diskaun mengikut model komputer riba yang dibekalkan oleh pihak Acer. Sebarang pertanyaan boleh hubungi 016-3603635 / 03-8026 6333.
- b. **SAMSUNG** – Tawaran adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Pihak SAMSUNG kepada pihak pengurusan IPT. Pihak SAMSUNG hanya berurusan dengan pihak Pengurusan IPT sahaja. Pengurusan IPT yang mendaftar sahaja layak untuk menerima kadar diskaun Education Online Store melalui <https://shop.samsung.com/my/samsung-education-store>. Sebarang pertanyaan boleh hubungi 03-51911515 atau emel kepada [my\\_shop@samsung.com](mailto:my_shop@samsung.com)
- c. **Apple Online Store** – Pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian iaitu <https://www.apple.com/my/education/higher-education/> Sebarang pertanyaan boleh hubungi Apple online toll 1800-80-6419.

## **22. Bolehkan pelajar membeli pakej tersebut secara dalam talian?**

**YA.** Pelajar boleh membuat pembelian secara dalam talian bagi pelan data Digi dan TM (Unifi Mobile) dan semua pakej peranti seperti pautan capaian yang disediakan di atas.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**3 NOVEMBER 2020**